



MENTERI KANAN KERJA RAYA  
MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

**Untuk Siaran Segera**

**“HARAPAN BAJET 2022”**

Ketika negara menuju ke arah pemulihan penularan pandemik COVID-19, adalah menjadi harapan saya agar Belanjawan 2022 yang akan dibentangkan pada 29 Oktober 2021 nanti, meletakkan sektor pembinaan terus kekal sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara

Bagi maksud tersebut, Kementerian perlu memastikan projek-projek pembinaan utama yang sedang dan akan dibina seperti Pan Borneo Sabah / Sarawak, Jalan Central Spine, West Coast Expressway (WCE) serta beberapa projek lebuh raya dan jalan persekutuan yang lain berjalan lancar. Projek-projek berpaksikan rakyat ini bukan sahaja berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara, malah turut menyumbang ke arah kesejahteraan dan kemakmuran Keluarga Malaysia.

Saya juga berharap Belanjawan 2022 ini juga dapat mempertimbangkan permintaan projek-projek berkeutamaan tinggi tertentu oleh Kementerian Kerja Raya. Antaranya ialah cadangan jalan baharu dan naiktaraf jalan sedia ada di beberapa negeri seperti Perlis, Kedah, Perak, Sarawak dan Sabah bagi melancarkan rangkaian perhubungan di kawasan berkenaan. Ini termasuklah Projek Sarawak - Sabah Link Road – Lawas ke Persimpangan Long Lopeng (SSLR), menaik taraf Jalan Berunggis (Laluan 503) Dari Bulatan Berunggis ke Persimpangan Jalan Marabahai Spur, Tuaran, Sabah, menaik taraf laluan FT007 dari Behor Lateh ke Sanglang melalui Pekan Simpang Empat Perlis (Jalan Kangar-Alor Setar), membina jalan sambungan dari Lebuhraya PLUS ke Persimpangan Lebuhraya Ipoh-Lumut (FT005) Jelapang, Daerah Kinta, Perak dan juga projek menaiktaraf Jalan dari Persimpangan Kuala Baram Ke CIQ Sungai Tujuh, Miri Sarawak.

Kementerian Kerja Raya telah memohon sekurang-kurangnya 130 projek baharu di seluruh negara, sama ada projek menaik taraf jalan sedia ada kepada laluan 4 lorong 2 hala, atau membina jalan-jalan baharu untuk menambah baik rangkaian jalan utama sedia ada, program kajian berkaitan jalan, menaiktaraf jambatan uzur, program keselamatan jalan raya dan lain-lain lagi. Kesemua cadangan projek ini telah diteliti dan diperhalusi di peringkat kementerian bersama Agensi-Agensi Pusat melalui parameter-parameter khusus. Ini termasuklah juga telah melalui proses konsultasi dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Selain projek-projek 'game-changer' dan projek-projek baharu yang telah disebutkan tadi, saya juga berharap supaya peruntukan yang signifikan juga dapat disediakan oleh Kerajaan untuk kerja - kerja penyenggaraan Infrastruktur seperti senggara serta naik taraf jalan persekutuan,

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY | PRO@KKR.GOV.MY | KEMENTERIAN KERJA RAYA | KKR.MALAYSIA | @MOWORKS | KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



MENTERI KANAN KERJA RAYA  
MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

pembaikan cerun di Jalan Persekutuan, bangunan Persekutuan dan kuarters-kuarters Kerajaan. Selain itu, Kerja - kerja ini juga boleh dilaksanakan dalam skala lebih kecil iaitu projek-projek kecil yang boleh memanfaatkan ramai kontraktor - kontraktor kecil penyenggaraan dan mengurangkan impak sosioekonomi akibat pandemik Covid 19. Adalah diharapkan peruntukan penyenggaraan ini akan dapat mengurangkan kerja-kerja tertunggak (*backlog*) disebabkan peruntukan terhad dan dapat membantu dalam memanjangkan jangka hayat aset infrastruktur Kerajaan.

Kesan pengganda ekonomi yang diperoleh melalui projek-projek kecil sebegini akan lebih cepat dirasai dan dapat dinikmati oleh lebih ramai lapisan penggiat industri yang terlibat dalam mata rantai sektor pembinaan.

Untuk itu, saya berharap peruntukan yang signifikan dapat disediakan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk menggiatkan lagi penggunaan teknologi dalam industri pembinaan. Ini boleh diadaptasikan melalui teknologi IR4.0 seperti robotik, automosi, data raya, internet kebendaan (IOT), realiti maya (VR) dan kecerdasan buatan (AI).

Melalui Belanjawan 2022, KKR juga berharap dapat mengukuhkan lagi penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS), Building Information Modelling (BIM) dan PreApproved Plan (PAP) dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan dan swasta, iaitu memenuhi aspirasi yang telah digariskan dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 dan Dasar Pembinaan Kebangsaan (NCP) 2030.

Sementara itu, sebagai anak Sarawak, saya berharap jaminan diberikan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia, di pelancaran Keluarga Malaysia, bahawa enam negeri yang kurang membangun termasuk Sarawak akan diberi tumpuan khusus ke arah merapatkan jurang pembangunan, akan direalisasikan dan diterjemahkan menerusi Bajet 2022. Perdana Menteri juga telah menyatakan bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan peruntukan pembangunan asas persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) akan diagih kepada 6 negeri berkenaan (Sarawak, Sabah, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis), melibatkan penyediaan infrastruktur asas, pendigitalan, pendidikan, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pembangunan ekonomi, yang akan turut menjadi intipati Bajet 2022.

**DATO' SRI HJ FADILLAH HJ YUSOF**  
**MENTERI KANAN KERJA RAYA**  
**27 OKTOBER 2021**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR.MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur